



## **TEKS UCAPAN**

**YB. DATO' SRI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD  
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA**

**MAJLIS PENYERAHAN PROJEK  
KLINIK KESIHATAN (JENIS 3) DENGAN KUARTERS 2F/2G,  
PADANG BESAR, PERLIS  
(NO KONTRAK : JKR/F/PS/01/2019)**

**5 SEPTEMBER 2023 (SELASA)  
9.00 PAGI**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

— الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ  
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِيهِ أَجْمَعِينَ

Terima kasih, saudara pengacara majlis,

Assalammualaikum wbt, Salam Sejahtera, Salam  
Malaysia MADANI,

~~~~~  
**YBRS. TUAN HAJI ZAIRI BIN MAT ALI**  
SETIAUSAHA BAHAGIAN KANAN,  
BAHAGIAN PEMBANGUNAN,  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

**YBRS. Ir. HJ BADIOEZAMAN BIN AB. KHALIK**  
TIMBALAN KETUA PENGARAH KERJA RAYA (BANGUNAN)  
JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

**YBRS. Ir. SHUKRI BIN ISHAK**  
PENGARAH CAWANGAN KERJA KESIHATAN,  
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA

**YBRS. DR. ISMUNI BIN BOHARI**  
PENGARAH KESIHATAN NEGERI PERLIS

**YBRS. IR. MOHD SHAHRIL BIN MOHD SAID**  
PENGARAH, JKR NEGERI PERLIS

**YBRS. PUAN MAZNAH BINTI MUSA**  
PENGARAH PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI PERLIS, JABATAN  
PERDANA MENTERI

**YBHG. DATO' JAWIYAH BINTI CHE DAN**  
**PENGARAH PERTABINA TECHNICAL SERVICES SDN BHD**

Pegawai-Pegawai Kanan JKR, Pegawai-Pegawai dari Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga Jabatan Kesihatan Negeri Perlis.

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

---

Terlebih dahulu, saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya, kita semua dapat hadir bersama-sama pada pagi ini bagi menjayakan Majlis Penyerahan Projek Klinik Kesihatan (Jenis 3) Dengan Kuarters 2F/2G, Padang Besar, Perlis.

Selamat Datang saya ucapkan kepada **YBRS. Tuan Haji Zairi Bin Mat Ali, Setiausaha Bahagian Kanan, Bahagian Pembangunan**, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Delegasi serta, Dato-dato, Datin-datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang telah sudi meluangkan masa untuk hadir ke Majlis Penyerahan projek ini.

Pada hari ini Jabatan Teknikal Di bawah Kementerian Kerja Raya (KKR) iaitu Jabatan Kerja Raya Malaysia telah berjaya melakar satu lagi sejarah dengan terbinanya Klinik kesihatan Jenis 3 Padang Besar, Perlis yang tersergam indah yang mana akan memberi manfaat kepada masyarakat Negeri Perlis khususnya kepada kawasan Padang Besar ini.

## **HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN,**

Untuk makluman JKR telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 3 Padang Besar ini bermula pada 31 Julai 2019 secara konvensional dalaman dengan kos projek asal RM 24,486,295.00. Projek ini disiapkan dengan kos akhir RM 24,293,966.11 dengan penjimatan sebanyak RM 192,328.89. Untuk makluman para hadirin juga, rekabentuk bangunan ini adalah secara ***Pre-Approved Plan (PAP)*** yang mana rekabentuk bangunan yang tersedia dan lengkap dengan input seni bina, struktur, mekanikal, elektrikal dan ukur bahan yang menepati keperluan teknikal dan perundangan kerajaan iaitu Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).

Di antara skop utama projek ini adalah :

a) **Kerja bangunan**

- bangunan klinik kesihatan (jenis 3)
- bangunan kuarters 2 unit kelas F dan 2 unit kelas G

b) **Blok sokongan :**

- rumah pam
- stor sokongan
- pondok pengawal
- rumah sampah
- pencawang TNB
- garaj ambulan
- blok MSB dan genset

c) **Kerja -kerja infra dan lain-lain yang berkaitan**

Bangunan klinik ini juga dilengkapi dengan 67 tempat letak kereta, 2 tempat letak kenderaan OKU dan 42 tempat letak motosikal.

Alhamdulillah, berkat daya usaha semua pihak yang terlibat, kita dapat menyiapkan projek ini pada **1hb Ogos 2023 (9 hari awal)** setelah melalui tempoh-tempoh pembinaan dalam fasa perintah kawalan pergerakan disebabkan Pandemik Covid-19 yang memberi impak kepada semua termasuk industri pembinaan.

Saya juga dimaklumkan terdapat cabaran lain dalam penyiapan projek ini iaitu keadaan tapak berbatu yang memerlukan kerja-kerja *blasting* dengan kelulusan terhad untuk mendapatkan premit letupan serta bahan letupan dengan agensi berkaitan. Memandangkan projek ini berada di kawasan perumahan penduduk yang terlalu hampir dengan tapak projek ini. Walaubagaimanapun saya merasa cukup bangga kerana pihak JKR dengan kepakaran teknikal yang ada dapat mengatasi masalah dan cabaran di tapak bina ini sehinggalah projek ini dapat disiapkan dengan jayanya secara berpasukan dengan pihak kontraktor.

Projek ini juga telah berjaya disiapkan mengikut KPI **serahan 3 dalam 1** iaitu :

1. Sijil Perakuan Kerja Siap (CPC) ,
2. Lukisan Siap Bina ; dan
3. Penyata Akaun Muktamad – SOFA

Disamping nilai tambah yang lain iaitu :

4. Siap awal dari jadual
5. Tiada kemalangan
6. Q-Lassic
7. Dokumen Coffee Table
8. Zero Major Defect
9. Dokumen Penyerahan
- 10.Terdapat penjimatan kos

Tahniah diucapkan kepada pihak kontraktor Pertabina Technical Services Sdn Bhd dan pasukan projek yang terlibat.

**YBhg. Dato-dato, Datin-datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati Sekalian,**

Sukacita juga dimaklumkan bahawa projek ini telah berjaya mencapai markah cemerlang iaitu **76% dalam quality assessment system for building construction works (Q-Lassic)** yang dilaksanakan oleh pihak CIDB. Syabas diucapkan kepada semua pihak yang terlibat.

Saya turut berbangga dengan usaha pasukan projek dan kontraktor untuk menerbitkan **coffee table book** bagi projek ini untuk perkongsian kepada semua pihak.

Saya ingin mengambil kesempatan pada majlis penyerahan ini mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak khususnya jabatan-jabatan kerajaan dan lain-lain agensi yang telah memberi kerjasama yang baik di dalam pelaksanaan projek ini. Kejayaan ini tidak akan dicapai tanpa kerjasama berpasukan. Kerjasama inilah yang menjadi ungkapan keramat JKR **#Together We Deliver**.

Ingin saya maklumkan di sini, JKR selaku agensi pelaksana kerajaan memikul amanah rakyat untuk memastikan serta memenuhi aspirasi kerajaan agar setiap projek yang dilaksana disiapkan dengan sempurna, berkualiti & tepat pada masa seperimana yang telah dijanjikan.

Saya juga berharap agar bangunan Klinik Kesihatan Jenis 3 bakal diserahkan secara rasminya kepada Kementerian Kesihatan Malaysia sebentar nanti, dapat memberi kemudahan dan keselesaan kepada pihak pengguna dan berharap pihak kontraktor dapat mengekal dan meneruskan tanggungjawabnya sepanjang **tempoh tanggungan kecacatan selama satu (1) tahun iaitu sehingga 31hb Julai 2024** kelak.

## **HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN,**

Dengan itu, saya akhiri ucapan saya dengan ucapan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dari **Cawangan Kerja Kesihatan Malaysia, Pegawai Penguin dan Wakil Pegawai Penguin Utama, Wakil-wakil Pegawai Penguin Pakar, Pegawai Tapak Bina dan Pasukan Kontraktor.**

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada **pihak Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri Perlis, dan semua Jabatan Persekutuan dan Negeri** yang telah menjayakan perlaksanaan projek pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 3 ini.

“Bangunan siap seperti diminta  
Lengkap sempurna ia dibina  
Terimalah ia seperti di cita  
Usah gusar usahlah gulana”

“Buah pulasan buah rambutan  
Buah longan jadi rebutan  
Majlis penyerahan disempurnakan  
Kepuasan pelanggan menjadi keutamaan”

Sekian      Wabillahitaufik      Wassalamualaikum      Warahmatullah  
Hiwabarakahu.